

Ucapan Baginda al-Malik Faisal Kepada Para Jemaah Haji

Dari pihak Konsul Jeneral Kerajaan Saudi Arabiya di Singapura kita menerima terjemahan ucapan penuh Duli Yang Maha Mulia Baginda al-Malik Faisal yang baginda pidatoka di dalam majlis meraikan ketua-ketua rombongan haji yang telah diadakan di kota suci – Makkah al-Mukarramah – pada hari ahad 6 haribulan Dhu al-Hijjah 1388 H yang lalu.

Kerana memandang kepada begitu padat dan kemasnya ucapan baginda itu di dalam segala aspek perjuangan yang sedang dihadapi oleh seluruh umat Islam pada hari ini, maka majalah Qalam dengan bangganya menyiarkan ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dengan lengkap. – Pengarang.

Saudara-saudara kaum Muslimin!

Al-salāmu 'alaykum wa rahmatu Allah wa barakātuh.

Di dalam saat yang berbahagia ini, beta merasa gembira

dan berbesar hati sebagai seorang daripada rakyat negeri ini yang telah dianugerahkan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* kemuliaan dan kurnian-Nya tugas berkhidmat kepada tempat-tempat suci ini dan menjaga keselamatan dan kesihatan para pengunjung ke Baitullah al-Ḥarām. Beta dengan suka cita mengalu-alukan kedatangan saudara-saudara dengan penuh rasa ikhlas yang terbit dari sanubari yang penuh dengan perasaan persaudaraan Islam dan ikatan agama yang mengikat dan menghubungkan kita antara satu sama lain dengan eratnya. Pada saat yang berbahagia ini beta ucapkan tahniah kepada saudara-saudara para jemaah haji Baitullah al-Ḥarām atas selamat sampai mereka dan bermohon ke hadrat Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* mudah-mudahan menerima haji mereka dan memberi keampunan dan pahala kepada mereka dan beta bermohon ke hadrat Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* supaya mengurniakan kelimpahan bersyukur dan meneguhkan iman kita kepadanya serta menguatkan pegangan kita kepada akidah yang suci murni

sebagaimana yang telah diturunkan daripada-Nya dan yang dibawa oleh Nabi kita Muḥammad (S.A.W).

Saudara-saudara!

Sungguhny tidaklah beta melebihi hakikat kalau beta katakan bahawa adalah sebahagia-sebahagia hari bagi anak negeri ini ialah ketika mereka melihat saudara-saudara berada di antara mereka di dalam keadaan rehat, aman dan sihat bila mana saudara-saudara mengerjakan ibadat kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*. Semoga Allah mengampunkan dan memaafkan dosa dan kesalahan kita sekalian dan memberi kita pertunjuk kepada jalan yang lurus dan mengurniakan kepada kita sekalian hidayah dan istiqamah, sesungguhnya Ia Maha Berkuasa atas segala suatu.

Saudara-saudara! Sungguhny kita sekarang berada di dalam satu zaman yang di dalamnya kita hidup di tanah air dan di rumah tangga kita masing di dalam keadaan senang dan mewah, beta harap, keadaan itu, tidaklah akan melupakan kita semua bahawa di sana ada satu tanah suci yang ketiga dan kiblat yang pertama, dan tempat mikraj Rasulullah (S.A.W) yang telah dicabul kehormatannya oleh gerombolan manusia yang jadi kebiasaannya dari

Ucapan Al-Malik Faisal . . .

sejak permulaan sejarah dahulu, suka menceroboh, bongkak dan mengingkari perintah-perintah Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*. Mereka pernah mencabar nabi mereka (S.A.W) yang menyuruh mereka memasuki sebuah pekan dan berjuang kerana Allah, jawapan mereka kepada nabi mereka itu dengan berkata, “Pergilah engkau bersama Tuhan engkau dan berperanglah engkau berdua, kami di sini duduk menunggu.”

Adakah sesuatu cabaran kepada kehendak perintah Tuhan dan ejekan kepada Yang Maha Kuasa lebih besar daripada ini? Apakah yang kita tunggu lagi daripada perbuatan mereka itu? Malangnya, kita berada di waktu dan di zaman ini, di mana di dalamnya hawa nafsu bermaharajalela, sifat tamak haloba berkuasa, yang disertai pula oleh arus yang deras yang meruntuhkan segala akidah yang hak dan benar, meruntuhkan segala akhlak dan budi pekerti yang mulia dan menghancurkan segala pendirian (prinsip) yang suci bersih untuk digantikan oleh mereka dengan kacau-bilau, keruntuhan akhlak, kejatuhan dan jenayah. Itu semua adalah

dibawa oleh komplot dan gerombolon yang jahat yang mencuba hendak memaksakan kekuasaannya bukan ke atas orang-orang Arab sahaja bahkan juga ke atas dunia seluruhnya. Meskipun tadi beta ada menyebutkan “Arab sahaja” itu ialah kerana penjahat-penjahat itu sekarang melakukan kezalimannya, dan penghinaannya terhadap keinsafan pendapat umum dan terhadap prinsip-prinsip perikemanusiaan di atas sebuah bumi yang bukan dimiliki oleh orang-orang Arab sahaja bahkan dimiliki juga oleh sekalian orang-orang Muslimin dan orang-orang yang beriman kepada Allah yang memerangi kepalsuan, kekufuran, keruntuhan budi pekerti dan pencabulan.

Tidaklah perlu hendak beta terangkan dengan panjang lebarnya kepada saudara-saudara sekalian apa yang berlaku kini di tanah suci ketiga dan kiblat pertama, daripada perbuatan-perbuatan penghinaan kepada tempat-tempat suci, kehormatan dan kesusilaan. Seheinggakan sengaja mereka itu melakukan perbuatan-perbuatan keji dan buruk di tepi tembok-tembok masjid dan di rumah-rumah ibadat untuk menunjukkan kepada dunia seluruhnya bahawa mereka itu berbuat sesuka hati mereka tanpa mengendahkan sesiapa pun.



Sebahagian daripada pemandangan di padang Arafah pada hari 9 haribulan Dhu al-Hijjah setiap tahun, di mana pada hari itu hampir-hampir sejuta umat Muslimin dari seluruh dunia datang berhimpun kerana menunaikan rukun haji

“Wukuf di Arafah.”

Ucapan Al-Malik Faisal . . .

Saudara-saudara! Apakah yang kita hendak tunggu, adakah kita masih menunggu kesedaran dan keinsafan dunia, iaitu kesedaran yang dapat dilihat dan dapat disentuh? Bukankah sandiwara-sandiwara lucu dan perbuatan-perbuatan jahat itu sedang dilakukan di hadapan orang yang mempunyai pandangan dan fikiran? Tak ada seorang pun yang tergerak mata hatinya (kesedarannya) melihatkan kejadian-kejadian itu, sekalipun disebabkan rasa malu. Kalau sekiranya mereka itu tidak berasa malu kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* biarlah mereka berasa malu daripada makhluk-Nya. Tetapi meskipun demikian kita masih dapat lihat mereka itu, dalam banyak perkara-perkara, menolong pencerobohan-pencerobohan itu dan menyokong mereka itu dalam pencabulan mereka. Adakah kita menunggu juga lagi, saudara-saudara? Menunggu sehingga sampai satu waktu yang tidak akan didapati seorang pun di atas muka bumi ini yang tahu menyebutkan nama Allah, *Lā ḥawla wa lā quwwata illā bi Allāh..*

Saudara-saudara! Al-Quds al-Sharīf merayu dan meminta pertolongan saudara-saudara supaya ia diselamatkan daripada mala petaka dan keadaan yang menyimpannya. Apakah yang hendak kita nanti, sampai bilakah kita hendak menunggu lagi sedang tempat-tempat suci kita dicerobohi dengan seburuk-buruk cara? Apakah yang menjadikan kita takut? Apakah kita takut akan mati? Adakah suatu cara mati yang lebih baik dan mulia bagi seorang itu daripada ia mati sedang ia berjihad di jalan Allah?

Saudara-saudara kaum Muslimin! Kita berkehendakkan kesedaran dan kebangkitan yang bercorak keislaman yang tidak dipengaruhi oleh perasaan kebangsaan, perkauman atau kepartian. Kita berkehendakkan penyeruan Islam, kepada berjihad pada jalan Allah, pada jalan agama dan akidah

kita untuk membela tempat-tempat suci kita dan kehormatan kita. Beta berdoa ke hadrat Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* sekiranya sudah termaktub bagi beta mati biarlah dimaktubkan bagi beta mati sebagai seorang syahid di dalam jihad *fi sabīl Allah*.

Saudara-saudara! Maafkanlah beta sekiranya beta kelihatan gementar, kerana beta teringatkan tempat-tempat suci kita yang telah dicerobohi dan dicabuli serta dilakukan di dalamnya berbagai-bagai keburukan, maksiat dan kecurangan budi pekerti. Beta memohon kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* supaya kiranya ia menuliskan kita sekalian di antara mereka yang berjihad untuk menyelamatkan tempat-tempat suci dan mulia itu.

Saudara-saudara! Beta tidak mahu bercakap mengenai suatu perkara yang lain kerana kita sekarang sedang berhadapan dengan satu hakikat yang ada di hadapan kita. Semua perkara-perkara yang lain adalah perkara-perkara kedua kalau sekiranya dibandingkan dengan masalah membela dan mempertahankan akidah dan tempat-tempat suci, kemerdekaan dan kehormatan kita. Beta menyeru saudara-saudara kaum muslimin di segenap pelosok bumi ini supaya berbantu-bantuan dan bersatu-padu, dan hendaklah mereka membuang segala perselisihan mereka dan melupakan segala kerumitan-kerumitan yang berlaku di antara mereka, dan hendaklah mereka menyambut seruan Allah dan hendaklah mereka keluar berjihad dengan berjalan kaki atau menaiki kenderaan kerana berjihad pada jalan Allah dan menyelamatkan tanah al-haram (suci) daripada gerombolan jahat yang telah mencabul kehormatan tanah suci ketiga dan kiblat yang pertama. Janganlah mereka berpaling kepada suatu yang lain. Tiap-tiap seorang dan tiap-tiap sebuah negeri hendaklah meninggalkan dan mengeneipkan perbalahan dan perselisihan-perselisihan dan berusaha menyatukan barisan mereka

Ucapan Al-Malik Faisal . . .

iaitu dimulakan dari sebuah negeri itu sendiri dengan menyatu-padukan barisannya supaya dapat diadakan di dalamnya perpaduan, kerjasama dan persaudaraan di antara bumiputera negeri itu, yang seterusnya dapat pula dibentuk kesatuan Islam untuk berjihad pada jalan Allah dan mempertahankan kemuliaan tempat-tempat suci kita dan ketika itulah Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* akan mengurniakan kita kemenangan sekiranya kita menolong-Nya. Dan pertolongan kita kepada Allah itu bukanlah dengan kita menghimpunkan bala tentera dan mengeluarkan harta benda kepada-Nya atau dengan kita membantu-Nya dengan suatu daripada usaha kita. Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* adalah yang mengadakan dan menjadikan kita. Dialah yang menguruskan hal ehwal kita. Hanya satu pertolongan kita kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* ialah dengan iman kita kepada-Nya dan menurut segala apa yang diperintahkan-Nya serta menjauhkan diri daripada apa yang ditegah-Nya. Inilah dia pertolongan kita kepada Allah alangkah mudahnya perkara itu bagi kita sekiranya kita mahukan hak dan kebenaran dan kalau kita mahukan kemenangan.

Saudara-saudara! Beta ulangi semula aluan-aluan beta atas kedatangan saudara-saudara ke tanah suci ini dan berharap ke hadirat Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* melimpahkan kurnia-Nya ke atas kita sekalian supaya berpegang teguh dengan akidah dan keyakinan kita supaya kita ikhlas seikhlas-ikhlasnya di dalam iman kita kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* menyatukan barisan kita bagi kerjasama untuk beramal kebajikan dan taqwa, dan bukan bekerjasama untuk membuat dosa dan pencerobohan.

Di tahun hadapan *in shā-Allāh* kita akan berjumpa semula di dalam keadaan yang segala kesan-kesan pencerobohan

telah lenyap dan semua tempat-tempat suci dan tanah air kita yang dirampas telah dapat diambil semula, sedang saudara-saudara kita bumiputera Palestin yang dikasihi akan dapat kita lihat hidup bebas di tanah air mereka, menentukan corak hidup mereka sendiri dengan bebas dan menunaikan kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* apa yang diwajibkan atas mereka daripada persaudaraan dan bekerjasama dengan lain-lain saudara-saudara mereka kaum Muslimin. Yang demikian itu tidaklah sukar dan mustahil bagi Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* melaksanakan-Nya. Hanyasalah hal itu diperlukan bagi kita keimanan yang sebenar-benarnya dan kekuatan azam yang tulus ikhlas serta meninggalkan segala omong kosong, perkara-perkara remeh-temeh dan pertengkaran yang tidak akan membawa sebarang faedah kepada kita bahkan membawa bencana buruk dan kejahatan kepada kita, dan hendaklah kita berdiri di dalam satu barisan sebagai satu bangunan tembok yang tersusun teguh. Tetapi itu semua memerlukan kita berkerja keras dan berazam sehingga dapat kita membersihkan diri kita daripada akidah dan kepercayaan-kepercayaan yang rosak dan juga mengelakkan diri daripada unsur-unsur yang meruntuhkan dan menyeret kita sehingga memecah-belahkan kita kepada beberapa puak dan golongan yang saling bergaduh dan bertentangan antara satu sama lain, mengadakan komplotan-komplotan kerana hendak meruntuhkan dan memaksa yang lain sehingga tenaga dan kekuatan kita menjadi lemah dan lumpuh.

Alangkah baiknya kalau kita gunakan tenaga-tenaga kekuatan dan kebolehan-kebolehan kita itu untuk mempertahankan diri, tempat-tempat suci dan bumi kita daripada musuh kita yang telah mencabuli kehormatan,

Ucapan Al-Malik Faisal . . .

kemuliaan kita dan tanah air kita. Beta berdoa semoga Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* mengurniakan kita sehingga tercapai cita-cita dan maksud kita dan mendorong kita kepada arah jalan yang benar, dan memimpin kita kepada jalan yang membawa kita kepada kebajikan agama, tanah air dan rakyat kita masing-masing dan diharapkan semoga Ia menjadikan kita sebagai satu umat yang seperti firman-Nya yang bermaksud: “Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan (dibangkitkan) bagi manusia, kamu menyuruh berbuat amal kebajikan dan kamu menegah daripada melakukan mungkar (perbuatan jahat)”. Inilah dia *al-ummah wahīdah*, satu umat, tidak ada pada kita sukuan (berpuak-puak), perkauman dan kebangsaan, kecuali kebangsaan “*lā ilāha illā Allāh Muḥammad Rasūl Allāh*”. Kalau sekiranya kita ikut jalan itu, *bi ḥawla Allah Ta'ālā*, kita akan jadi orang yang mendapat kemenangan.

Kita tidak mahu melakukan pencerobohan atau

permusuhan terhadap sesiapa, tetapi kita hendak menyelamatkan dan mengambil balik hak milik dan kehormatan kita dan menjauhkan musuh-musuh kita sehingga berasa senang hati kita dan lapang dada kita, sebagai orang-orang Muslimin yang menyambah Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* dan menurut sunnah (jalan) Nabi-Nya (S.A.W), bersaudara dan tolong-menolong sesama kita di dalam perkara agama dan dunia kita yang membawa manfaat. Di hadapan kita kitab Allah (al-Qur'ān) dan Sunnah Nabi-Nya (al-Ḥadīth), kenapakah tidak kita mengamalkan dan menjadikan kedua-duanya itu petunjuk bagi kita dan dengan kedua-duanya itu kita jadikan untuk persatuan kita. Tidak akan terdesak sesiapa yang mengikutinya. Tetapi hal itu perlulah kepada ketabahan hati, azam yang benar-benar dan iman yang ikhlas. Inilah yang dikehendaki daripada kita.

Saudara-saudara! Beta berdoa dan bermohon ke hadrat Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* mengurniakan kita sekalian kelebihan dan kelimpahan dan menjadikan haji dan ibadat saudara-saudara sekalian mendapat penerimaan yang sebaik-baiknya dan dosa saudara-saudara dapat pengampunan.



Di antara para alim-ulama yang datang diundang khas menghadiri majlis “Persidangan Islam Se-Malaysia” yang telah diadakan di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur selama empat hari berturut-turut dimulai dari 4 hingga 7 haribulan Mac 1969 yang lalu.